

PENGGUNAAN VIDEO UNTUK MENINGKATKAN MINAT DAN KEFAHAMAN MURID TAHUN LIMA DALAM SUBTOPIK “PERGERAKAN BUMI” DI KUCHING

WONG YING YING
DR. TAN MING TANG
INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS BATU LINTANG
yingwong94.yw@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan video terhadap minat dan kefahaman murid Tahun Lima dalam subtopik “Pergerakan Bumi”. Peserta kajian dalam penyelidikan tindakan ini terdiri daripada tiga orang murid Tahun Lima di sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina di daerah Kuching. Mereka dipilih daripada golongan yang mempunyai prestasi akademik yang rendah dan sederhana. Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data ialah pemerhatian melalui gambar, nota lapangan, temu bual serta ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan. Data yang dikumpul dianalisis melalui analisis kandungan dan analisis deskriptif. Triangulasi kaedah, masa dan sumber dijalankan dalam proses penyemakan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan video berjaya meningkatkan minat dan kefahaman tiga orang murid Tahun Lima dalam subtopik “Pergerakan Bumi”. Saya akan mengaplikasikan video untuk mengajar topik Sains yang lain untuk mengkaji sama ada penggunaan video dapat membantu meningkatkan minat dan kefahaman murid.

Kata Kunci: Video, minat, kefahaman, Sains Tahun Lima

ABSTRACT

The research was conducted to investigate the effects of using video on Year Five pupils' interest and understanding in the subtopic of “The movement of the Earth”. The participants of this research consisted of three Year Five pupils in a Chinese primary school in Kuching District. They were selected based on their low and moderate academic achievement in Science. The instruments used for collecting data were observations (photos), fields notes, interviews, initial test and intervention data. The data were analysed by using content analysis and descriptive analysis. I also used method, time and source triangulations in checking data. The results of the research showed that using video was able to increase the interest and understanding of three Year Five pupils in the subtopic of “The movement of the Earth”. I would like to use video in teaching other Science topics to investigate the effects of video towards pupils' interest and understanding.

Keywords: Video, interest, understanding, Year Five Science

PENGENALAN

Pendahuluan

Sains merupakan mata pelajaran teras yang diajar di semua sekolah rendah di Malaysia. Mata pelajaran Sains membantu murid lebih memahami diri sendiri dan alam sekeliling melalui pengalaman dan penyiasatan. Jadi, guru Sains memainkan peranan yang amat penting bagi melahirkan modal insan yang mempunyai kemahiran menangani masalah kehidupan. Gurulah yang merupakan tunjang utama dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah. Proses PdP ini merupakan satu indikator utama bagi membentuk murid minda kelas pertama (Marhaiza Ibrahim, Ahmad Zubir Ibrahim, Selamah Maamor & Aznita Samsi, 2015). Oleh itu, guru perlu sentiasa merancang proses PdP yang kreatif untuk memastikan murid sentiasa berminat dalam pengajaran Sains.

Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran

Sepanjang program PISMP, saya telah menjalani dua kali praktikum di sekolah yang berlainan. Pada praktikum pertama, saya telah menggunakan buku teks dan simulasi untuk menyampaikan proses PdP tentang pergerakan Bumi. Murid kelihatan kurang berminat dan pasif terhadap aktiviti pengajaran saya. Mereka berbual-bual dengan rakan sebelah, tidur dan membuat kerja lain. Semasa menjalankan aktiviti simulasi, saya telah memilih dua orang murid untuk menjalankan simulasi di depan kelas. Didapati simulasi ini tidak dapat menarik perhatian murid kerana kebanyakan mereka tidak diberi peluang untuk melibatkan diri dalam simulasi. Tambahan pula, simulasi ini tidak dapat dilihat dengan jelas oleh semua murid terutamanya mereka yang duduk di belakang kelas. Kebanyakan murid tidak faham isi pelajaran yang disampaikan dan gagal menyiapkan lembaran kerja yang diberi.

Pada praktikum kedua, saya menggunakan bahan bercetak dan simulasi secara berkumpulan untuk mengajar subtopik "Pergerakan Bumi". Namun, terdapat tiga orang murid yang lemah tidak memberi perhatian kepada saya. Mereka membuat bising dan mengacau rakannya. Kemudian, saya telah meminta murid dalam kumpulan berdua untuk menjalankan simulasi. Terdapat dua kumpulan murid gagal menjalankan simulasi. Mereka menghadapi masalah untuk membayangkan dan memahami bagaimana fenomena pergerakan Bumi berlaku. Hal ini menyebabkan mereka gagal menjawab soalan saya. Daripada hasil lembaran kerja murid, terdapat tiga orang murid yang melakukan banyak kesalahan. Saya mengandaikan keadaan ini berlaku punca daripada kekurangan minat dan ketidakfahaman murid terhadap proses PdP yang saya sampaikan.

Masalah ini telah memberi dorongan kepada saya untuk menjalankan satu kajian tindakan demi meningkatkan minat dan kefahaman murid Tahun Lima dalam subtopik "Pergerakan Bumi" dengan menggunakan video. Saya percaya penggunaan video ini dapat menarik perhatian murid dan membantu mereka melihat dengan lebih jelas serta memahami topik pergerakan Bumi

Pengumpulan Data Awal

Gambar

Saya telah memilih tiga orang murid sebagai peserta kajian. Rajah 1 menunjukkan peserta A yang duduk di belakang kelas mengantuk semasa saya menyampaikan proses PdP Sains.



Rajah 1. Peserta A mengantuk semasa PdP Sains

Rajah 2 menunjukkan peserta B yang mengacau kawan di sebelahnya semasa PdP Sains.



Rajah 2. Peserta B mengacau kawan di sebelahnya semasa PdP Sains

Rajah 3 menunjukkan peserta C yang bermain-main dengan tali bagnya semasa PdP Sains.



Rajah 3. Peserta C bermain-main dengan tali bagnya

Nota Lapangan

Semasa saya menjalankan PdP dengan menggunakan bahan bercetak, saya telah meminta rakan sepraktikum saya untuk mencatat keadaan dalam kelas. Rajah 4 menunjukkan nota lapangan sebelum penggunaan video dalam PdP Sains

Sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran, terdapat tiga orang murid yang **tidak menumpukan perhatian** kepada guru. Mereka **tidur, membuat kerja lain dan mengacau kawan** di sebelahnya. Mereka juga kelihatan **kurang berminat** dengan pengajaran guru. Terdapat juga seorang murid yang suka mengganggu proses pengajaran guru dengan **menanya soalan yang tidak berkaitan** dengan isi pelajaran.

Semasa murid diminta membuat simulasi, terdapat dua kumpulan murid yang **membuat secara sebarangan**. Apabila murid yang tidak memberi perhatian diminta menjawab soalan guru, mereka **tidak mampu menjawab** dan hanya **berdiri dan diam sahaja**. Semasa murid menyiapkan lembaran kerja, didapati ada seorang murid yang berpura-pura hendak berbincang dengan kawannya, tetapi sebenarnya ingin **menyalin jawapan kawan**. Ada juga dua orang murid yang **tidak tahu buat lembaran kerja** dan **duduk diam** sahaja.

Petunjuk:



Kurang berminat



Kefahaman rendah

Rajah 4. Kandungan nota lapangan sebelum penggunaan video dalam PdP Sains

Rajah 4 menunjukkan bahawa tiga orang murid tidur, membuat kerja lain dan mengacau kawan sebelahnya. Perbuatan ini telah menunjukkan mereka kurang berminat terhadap aktiviti pengajaran saya. Murid yang tidak menumpukan perhatian kepada saya juga kurang faham dengan isi pelajaran yang disampaikan. Hal ini dapat dikesan apabila murid gagal menjalankan simulasi dan tidak mampu menjawab soalan guru serta tidak dapat menyiapkan lembaran kerja.

Ujian Awal Pencapaian

Saya telah memberikan murid satu ujian awal pencapaian untuk mengetahui pengetahuan sedia ada mereka. Jadual 1 menunjukkan markah ujian peserta kajian.

Jadual 1

Markah ujian awal pencapaian peserta kajian

| Bil | Peserta | Markah yang diperolehi |
|------------|----------------|-------------------------------|
| 1. | A | 4 / 15 |
| 2. | B | 5 / 15 |
| 3. | C | 4 / 15 |

Semua peserta kajian mendapat markah yang amat rendah dalam ujian awal pencapaian. Golongan yang lemah ini perlu diberi bantuan dengan menggunakan kaedah atau strategi PdP yang menarik agar dapat meningkatkan minat dan pencapaian mereka.

FOKUS KAJIAN

Isu keprihatinan pertama ialah murid kurang berminat terhadap aktiviti pengajaran saya. Melalui pemerhatian, saya mendapati bahawa terdapat tiga orang murid yang kurang memberi perhatian terhadap proses PdP saya. Mereka cenderung untuk membuat kerja sendiri, tidur dan berbual-bual dengan rakan sebelahnya sehingga mengganggu pembelajaran rakan lain.

Isu keprihatinan kedua ialah masalah kefahaman murid terhadap subtopik "Pergerakan Bumi". Keadaan ini dapat dilihat apabila murid diminta menyiapkan lembaran kerja. Mereka meniru jawapan rakannya dan gagal menjawab soalan guru.

Demi menyelesaikan masalah ini, saya telah menjalankan kajian tindakan untuk meninjau kesan penggunaan video terhadap minat dan kefahaman murid Tahun Lima dalam subtopik ini.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Objektif kajian tindakan ini adalah untuk meninjau sama ada kaedah penggunaan video dapat:

- Meningkatkan minat tiga orang murid Tahun Lima dalam subtopik "Pergerakan Bumi".
- Meningkatkan kefahaman tiga orang murid Tahun Lima dalam subtopik "Pergerakan Bumi".

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- Bagaimanakah penggunaan video dapat meningkatkan minat tiga orang murid Tahun Lima dalam subtopik “Pergerakan Bumi”?
- Sejauhmanakah penggunaan video dapat meningkatkan kefahaman tiga orang murid Tahun Lima dalam subtopik “Pergerakan Bumi”?

PESERTA KAJIAN

Tiga orang murid Tahun Lima dipilih menjadi peserta kajian saya kerana memperoleh markah yang paling rendah dalam lembaran kerja dan sentiasa tidak memberi perhatian kepada pengajaran saya. Mereka sering tidak menyiapkan kerja rumah dan mempunyai prestasi akademik yang rendah dan sederhana.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Langkah-langkah Tindakan

Sebelum Melaksanakan PdP Menggunakan Video

Saya telah menyediakan rancangan pengajaran harian yang melibatkan penggunaan video. Kemudian, saya menggabungkan klip video yang dimuat turun dengan gambar dan teks untuk menghasilkan satu klip video yang baru.

Semasa Melaksanakan PdP Menggunakan Video

Saya memulakan PdP tentang subtopik “Pergerakan Bumi” dengan menggunakan video. Jadual 2 menunjukkan penerangan aktiviti PdP berdasarkan Lima Fasa Needham.

Jadual 2

Penerangan aktiviti PdP berdasarkan Lima Fasa Needham

| Fasa | Pnerangan Aktiviti PdP |
|------------------|---|
| Orientasi | Saya telah meminta murid untuk mematuhi peraturan semasa menonton video. Murid dikehendaki menumpukan perhatian dan senyap apabila video ditayangkan. Kemudian, saya memulakan tayangan video. Video ini berkaitan dengan perbezaan antara malam dan siang. Soalan juga ditayangkan melalui video untuk menguji pengetahuan awal murid. Murid diberi masa yang cukup untuk menjawab soalan dalam video. Penyoalan ini penting dan mampu menyediakan murid untuk membuat perkaitan antara pengetahuan dan pengalaman yang telah dialami dengan apa yang akan dipelajari (Nor Azlina Dahalan, Normah Mat Nasan, Rahayuni Mohd Noh & Sim, 2015). |

| | |
|---------------------------------|--|
| Pencetusan Idea | Soalan yang berkaitan dengan putaran dan peredaran Bumi dari aspek arah dan tempoh ditayangkan. Murid diberi masa sebanyak 10 minit untuk membuat perbincangan secara berkumpulan dan menuliskan hasil perbincangan di atas kertas mahjong. |
| Penstruturan Semula Idea | Istilah-istilah seperti paksi Bumi dan orbit diperkenalkan kepada murid sebelum video ditayangkan. Murid diminta untuk menonton video tersebut sambil mencari jawapan yang tepat bagi perbincangan mereka pada fasa pencetusan idea. Video ini menayangkan cara pergerakan Bumi dan kesan putaran Bumi. Selepas menonton video, murid membetulkan hasil perbincangan mereka dan melekatkan kertas mahjong kumpulan mereka pada dinding untuk tontonan semua murid. Saya juga mengadakan sesi soal jawab dengan murid untuk mengesan hasil perbincangan dan catatan mereka. Sementara itu, saya juga memberi penjelasan dan bimbingan kepada murid tentang isi pelajaran yang disampaikan pada ketika itu. Jawapan dan soalan yang diberikan oleh murid akan memberikan kesan yang baik sekiranya guru dapat membimbing dengan berkesan (Sarina Aini Kasim & Yusmini Md. Yusoff, 2013). |
| Aplikasi Idea | Video ini adalah berkaitan dengan dua kawan yang sedang berbual-bual melalui telefon bimbit. Seorang daripadanya berada di Malaysia tetapi seorang lagi berada di Amerika. Mereka sangat hairan mengapa Malaysia ialah siang hari sementara Amerika ialah waktu malam. Murid diminta mengemukakan idea mereka dan berbincang bersama guru. |
| Refleksi dan Penutup | Soalan-soalan dikemukakan melalui video dan murid dipanggil untuk menyatakan tempoh dan arah putaran dan peredaran Bumi serta kesan-kesan putaran Bumi. |

Sepanjang sesi PdP menggunakan video, saya telah mengambil gambar peserta kajian sementara rakan sepraktikum saya juga mencatat nota lapangan berdasarkan aspek minat dan kefahaman.

Selepas Melaksanakan PdP Menggunakan Video

Saya telah mengedarkan ujian kesan tindakan kepada murid untuk menguji tahap kefahaman mereka. Sesi temu bual juga diadakan untuk mendapat maklum balas terhadap keberkesanan penggunaan video dalam PdP. Nota lapangan turut dianalisis untuk meninjau minat dan kefahaman murid terhadap subtopik "Pergerakan Bumi".

Kaedah Mengumpul Data

Pemerhatian (Gambar)

Gambar peserta kajian telah diambil sebelum dan selepas penggunaan video dalam pengajaran subtopik "Pergerakan Bumi" untuk membuat perbandingan tentang aspek minat bagi tiga orang peserta kajian.

Nota Lapangan

Nota lapangan dijalankan sebanyak dua kali iaitu sebelum dan selepas kajian untuk meninjau kesan penggunaan video terhadap minat dan kefahaman murid dalam subtopik “Pergerakan Bumi”.

Temu Bual

Saya telah menjalankan temu bual dengan tiga orang peserta kajian. Temu bual ini mampu memberi peluang kepada peserta kajian untuk mengeluarkan idea dan pendapat mereka secara spontan dan bebas.

Ujian

Murid Tahun Lima telah menduduki ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan sebelum dan selepas penggunaan video dalam PdP Sains. Soalan yang digunakan dalam dua ujian ini adalah sama. Dengan membuat perbandingan markah ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan, saya dapat menganalisis dan mengesan kefahaman peserta kajian terhadap subtopik “Pergerakan Bumi”.

Cara Menganalisis Data

Analisis Kandungan

Analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data kualitatif seperti pemerhatian (gambar), nota lapangan dan temu bual. Saya telah menganalisis kandungan gambar yang diambil sebelum dan selepas penggunaan video dalam PdP Sains. Gambar ini boleh dijadikan sebagai bahan sokongan kepada kandungan nota lapangan.

Catatan nota lapangan juga dibaca beberapa kali untuk mendapatkan gambaran umum bagi tujuan interpretasi. Kata-kata kunci atau perkara penting telah saya tandakan untuk dikategorikan mengikut tema yang berkaitan bagi menjawab soalan kajian. Langkah yang sama turut digunakan untuk menganalisis hasil temu bual yang telah ditranskrip.

Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis data kuantitatif seperti ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan. Saya telah menyediakan jadual untuk membuat perbandingan tentang pencapaian peserta kajian. Peningkatan atau penurunan markah turut dikira untuk memudahkan saya membuat analisis.

Cara Menyemak Data

Triangulasi Kaedah

Untuk meninjau peningkatan minat peserta kajian, saya telah menggunakan kaedah nota lapangan dan temu bual. Manakala kaedah nota lapangan, temu bual serta ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan digunakan untuk meninjau peningkatan kefahaman peserta kajian.

Triangulasi Masa

Saya telah mengumpul data ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan dalam suatu jangka masa. Melalui perbandingan markah yang diperolehi oleh peserta kajian, saya dapat menilai kesan penggunaan video terhadap minat dan kefahaman murid dalam subtopik “Pergerakan Bumi”.

Triangulasi Sumber

Saya telah bekerjasama dan berkolaborasi dengan pelbagai pihak, termasuklah rakan sepraktikum saya dan peserta kajian sepanjang mengumpul dan menyemak data bagi memastikan bahawa semua data dan maklumat yang diperolehi adalah sahih.

DAPATAN KAJIAN

Penggunaan video untuk meningkatkan minat murid Tahun Lima dalam subtopik “Pergerakan Bumi”

Pemerhatian (Gambar)

Saya telah mengambil gambar peserta kajian semasa penggunaan video dalam PdP Sains. Rajah 5 menunjukkan peserta A mencari jawapan dari buku teks untuk menjawab soalan saya. Rajah 6 menunjukkan peserta B mengangkat tangan untuk bertanya soalan. Manakala Rajah 7 menunjukkan peserta C ketawa semasa menonton video yang ditayangkan



Rajah 5. Peserta A mencari jawapan dari buku teks untuk menjawab soalan saya



Rajah 6. Peserta B mengangkat tangan untuk bertanya soalan



Rajah 7. Peserta C ketawa semasa menonton video yang ditayangkan

Perlakuan-perlakuan peserta kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dari segi minat selepas penggunaan video dalam pengajaran subtopik "Pergerakan Bumi".

Nota Lapangan

Saya telah menganalisis kandungan nota lapangan sebelum dan selepas penggunaan video dalam menyampaikan sesi PdP Sains. Jadual 3 menunjukkan pengkategorian data dalam nota lapangan sebelum penggunaan video dalam sesi PdP (Rajah 4).

Jadual 3

Pengkategorian data bertema minat bagi nota lapangan sebelum penggunaan video dalam PdP

| Kategori | Tema |
|---|-----------------|
| <ul style="list-style-type: none">Tidak menumpukan perhatianTidur, membuat kerja lain dan mengacau kawanKurang berminatMenanya soalan yang tidak berkaitan | Kurang berminat |

Jadual 3 menunjukkan tiga orang peserta kajian kurang berminat terhadap pengajaran saya dalam subtopik “Pergerakan Bumi”. Mereka tidak menumpukan perhatian, tidur, membuat kerja lain, mengacau kawan, kurang berminat dan menanya soalan yang tidak berkaitan dengan isi pelajaran yang disampaikan. Rajah 8 menunjukkan nota lapangan semasa penggunaan video dalam pengajaran subtopik “Pergerakan Bumi”. Jadual 4 menunjukkan pengkategorian data bertema minat bagi nota lapangan selepas penggunaan video dalam PdP.

Semua murid **menumpukan perhatian** kepada guru sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Peserta kajian yang dipilih juga **tertarik dengan tayangan video** guru. Mereka **duduk senyap dan menonton video**. Mereka **tidak lagi membuat kerja lain dan mengganggu kawan** sebelahnya. Semua murid **kelihatan berminat dan suka dengan video** yang ditayangkan. Terdapat juga dua orang murid yang **tergesa-gesa bertanya tentang soalan yang berkaitan** dengan isi pelajaran.

Petunjuk:

 Berminat

Rajah 8. Kandungan nota lapangan semasa penggunaan video dalam PdP terhadap subtopik “Pergerakan Bumi”

Jadual 4

Pengkategorian data bertema minat bagi nota lapangan selepas penggunaan video dalam PdP

| Kategori | Tema |
|--|-------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • Menumpukan perhatian • Tertarik dengan tayangan video • Duduk senyap dan menonton video • Tidak lagi membuat kerja lain dan mengganggu kawan • Kelihatan berminat dan suka dengan video • Tergesa-gesa bertanya tentang soalan yang berkaitan | Menunjukkan minat |

Berdasarkan Jadual 4, semua peserta menunjukkan minat terhadap PdP saya. Mereka berduduk senyap semasa menonton video, tergesa-gesa bertanya soalan yang berkaitan dengan isi pelajaran dan tidak lagi membuat kerja lain atau mengacau kawan. Dapatan ini disokong oleh kajian Noreliana Md Sharif (2012) yang menyatakan bahawa murid akan lebih berminat terhadap pembelajaran yang menggunakan teknologi berbanding dengan sistem pembelajaran yang biasa.

Temu Bual

Saya telah menjalankan temu bual dengan tiga orang peserta kajian selepas penggunaan video dalam sesi PdP terhadap subtopik “Pergerakan Bumi”. Rajah 9 menunjukkan transkrip temu bual dengan peserta kajian berkaitan dengan aspek minat selepas penggunaan video dalam sesi PdP. Jadual 5 menunjukkan pengkategorian data bagi faktor minat peserta kajian dalam PdP terhadap subtopik “Pergerakan Bumi”.

| |
|--|
| <p>Soalan 1 : Adakah anda lebih suka pengajaran dan pembelajaran menggunakan video? Mengapa?</p> <hr/> <p>Peserta A : Ya, cikgu lain jarang menggunakan video semasa mengajar. Saya tertarik dengan video cikgu.</p> <p>Peserta B : Memanglah cikgu. Saya suka melihat gambar yang bergerak. Video itu menarik perhatian saya.</p> <p>Peserta C : Ya, cikgu. Dulu cikgu asyik cakap di depan, memang bosanlah. Sekarang saya seronok menonton video kerana ada animasi yang cantik.</p> |
|--|

Rajah 9. Transkrip temu bual minat tiga orang peserta kajian selepas penggunaan video dalam sesi PdP

Jadual 5

Pengkategorian data bagi faktor minat peserta kajian dalam PdP terhadap subtopik “Pergerakan Bumi”

| Kategori | Tema |
|--|-----------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • Tertarik dengan video • Video menarik perhatian • Animasi yang cantik • Seronok menonton video • Suka melihat gambar yang bergerak dalam video | Minat terhadap strategi PdP |
| <ul style="list-style-type: none"> • Cikgu lain jarang menggunakan video | Faktor guru |

Berdasarkan Jadual 5 menunjukkan penggunaan video mampu menarik perhatian peserta kajian untuk belajar. Mereka berasa seronok semasa menonton video kerana terdapat banyak gambar dan animasi yang cantik. Tambahan pula, guru lain juga jarang memberi peluang kepada mereka untuk menonton video, maka minat mereka telah meningkat semasa video ditayangkan.

Penggunaan video untuk meningkatkan kefahaman murid Tahun Lima dalam subtopik “Pergerakan Bumi”

Nota Lapangan

Pengkategorian data bagi nota lapangan (Rajah 4) mengikut tema telah dilaksanakan dan ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6

Pengkategorian data bertema kefahaman bagi nota lapangan sebelum penggunaan video dalam PdP

| Kategori | Tema |
|---|--------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • Membuat simulasi secara sebarangan • Tidak mampu menjawab dan berdiri dan diam sahaja • Menyalin jawapan kawan • Tidak tahu buat lembaran kerja dan duduk diam | Kurang faham |

Jadual 6 menunjukkan peserta kajian kurang faham tentang pergerakan Bumi sebelum penggunaan video dalam PdP. Hal ini dapat dikesan apabila peserta kajian membuat simulasi secara sebarangan, tidak mampu menjawab soalan, berdiri dan diam

sahaja apabila disoal serta menyalin jawapan kawan. Rajah 10 menunjukkan nota lapangan semasa penggunaan video dalam pengajaran subtopik “Pergerakan Bumi”. Jadual 7 ialah pengkategorian data bertema kefahaman bagi nota lapangan selepas penggunaan video dalam PdP terhadap subtopik “Pergerakan Bumi”.

Setiap kumpulan murid dapat **membuat simulasi tentang putaran dan peredaran Bumi dengan betul**. Peserta kajian juga **mampu menjawab soalan** yang diberikan oleh guru. Walaupun jawapannya kurang lengkap, tetapi mereka **cuba menjawab dan bukan berdiri secara diam** sahaja. Mereka dapat **memahami isi kandungan yang disampaikan apabila guru memainkan video sekali lagi**.

Petunjuk:
 Kefahaman meningkat

Rajah 10. Kandungan nota lapangan yang dicatat oleh rakan sepraktikum semasa penggunaan video dalam PdP terhadap subtopik “Pergerakan Bumi”

Jadual 7

Pengkategorian data bertema kefahaman bagi nota lapangan selepas penggunaan video dalam PdP

| Kategori | Tema |
|---|---------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • Membuat simulasi tentang putaran dan peredaran Bumi dengan betul • Mampu menjawab soalan • Cuba menjawab dan bukan berdiri secara diam • Memahami isi kandungan yang disampaikan apabila guru memainkan video sekali lagi. | Kefahaman meningkat |

Berdasarkan Jadual 7, didapati kefahaman peserta kajian telah meningkat selepas penggunaan video dalam PdP Sains. Mereka dapat membuat simulasi tentang pergerakan Bumi dengan betul, cuba dan mampu menjawab soalan guru serta memahami isi kandungan yang disampaikan apabila video dimainkan sekali lagi.

Temu Bual

Saya telah menjalankan temu bual dengan tiga orang peserta kajian untuk meninjau kefahaman mereka terhadap subtopik “Pergerakan Bumi” selepas video digunakan. Rajah 11 menunjukkan transkrip temu bual kefahaman peserta kajian selepas penggunaan video dalam kelas. Jadual 8 menunjukkan pengkategorian data bertema kefahaman murid dalam PdP terhadap subtopik “Pergerakan Bumi”.

| | |
|-----------------|--|
| Soalan 1 | : Adakah penggunaan video membantu anda dalam memahami isi pelajaran yang saya sampaikan? Mengapa? |
| Peserta A | : Ya. Saya dapat nampak dengan jelas bagaimana putaran dan peredaran Bumi berlaku. |
| Peserta B | : Lebih faham daripada dulu. Saya dapat melihat cara Bumi berputar dan mengedar mengelilingi Matahari dengan jelas . |
| Peserta C | : Ada. Lebih senang faham apa yang dicakap oleh guru selepas menonton video. |

Rajah 11. Transkrip temu bual kefahaman peserta kajian selepas penggunaan video dalam kelas

Jadual 8

Pengkategorian data temu bual bagi faktor kefahaman murid dalam PdP terhadap subtopik “Pergerakan Bumi”

| Kategori | Tema |
|--|-----------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • Nampak dengan jelas • Lebih faham • Melihat cara Bumi berputar dan mengedar mengelilingi Matahari dengan jelas • Senang faham | Kefahaman murid |

Berdasarkan Jadual 8, peserta kajian lebih faham tentang isi pelajaran yang disampaikan selepas penggunaan video dalam pengajaran. Hal ini kerana mereka dapat menyaksi pergerakan Bumi dengan lebih jelas dan teliti. Dengan bantuan video, mereka lebih senang memahami penjelasan saya. Temu bual ini juga diteruskan dengan soalan untuk menguji kefahaman peserta kajian dalam bentuk kuiz. Jadual 9 ialah analisis jawapan peserta kajian bagi soalan kuiz semasa temu bual.

Jadual 9

Prestasi peserta kajian bagi soalan kuiz semasa temu bual

| Peserta | Bilangan soalan kuiz temu bual | | | | | Jumlah (%) |
|---------|--------------------------------|----------|----------|----------|----------|---------------|
| | Soalan 1 | Soalan 2 | Soalan 3 | Soalan 4 | Soalan 5 | |
| A | 2 / 2 | 1 / 1 | 2 / 2 | 3 / 3 | 1 / 1 | 9 / 9 (100%) |
| B | 2 / 2 | 1 / 1 | 2 / 2 | 3 / 3 | 1 / 1 | 9 / 9 (100%) |
| C | 2 / 2 | 1 / 1 | 2 / 2 | 2 / 3 | 1 / 1 | 8 / 9 (88.9%) |

Kesemua peserta kajian memperoleh markah lebih daripada 85% dalam memberi jawapan betul semasa menjawab soalan kuiz temu bual yang berkaitan dengan subtopik “Pergerakan Bumi”.

Ujian

Peserta kajian telah menjalankan ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan untuk menguji keberkesanan penggunaan video dalam meningkatkan kefahaman mereka bagi subtopik “Pergerakan Bumi”. Jadual 10 menunjukkan markah ujian peserta kajian.

Jadual 10

Markah ujian peserta kajian

| Peserta | Markah Ujian (%) | | Peningkatan / Penurunan |
|---------|------------------|------------------|-------------------------|
| | Awal Pencapaian | Kesan Tindakan | |
| A | 4 / 15 (26.7%) | 12 / 15 (80.0%) | + 8 (53.3%) |
| B | 5 / 15 (33.3%) | 15 / 15 (100.0%) | + 10 (66.7%) |
| C | 4 / 15 (26.7%) | 13 / 15 (86.7%) | + 9 (60.0%) |

Berdasarkan Jadual 10, jelas bahawa setiap peserta kajian telah menunjukkan peningkatan sebanyak (50.0 %) dalam ujian kesan tindakan berbanding dengan ujian awal pencapaian selepas pembelajaran subtopik “Pergerakan Bumi” dengan menggunakan video. Jadi, boleh dikatakan bahawa penggunaan video mampu memperkukuhkan pembentukan konsep dalam kalangan murid (Lee, 2014).

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Bagi subtopik “Pergerakan Bumi”, adalah tidak mungkin untuk membawa Bumi dan Matahari yang sebenar untuk masuk ke dalam kelas. Jadi, murid terpaksa membayangkan pergerakan Bumi dalam otaknya. Murid yang gagal membuat bayangan akan berasa bosan dan mengalami masalah kurang faham tentang pergerakan Bumi. Sekiranya masalah ini terus berlaku dan tidak diselesaikan dengan baik, kualiti PdP saya akan terjejas. Maka, saya telah memilih kaedah video untuk menyampaikan sesi PdP supaya murid dapat melihat dengan jelas tentang pergerakan Bumi yang sedang berlaku di angkasa lepas. Pengalaman ini telah meningkatkan kualiti amalan pedagogi saya untuk menjadi seorang guru yang profesional dan mampu menyelesaikan masalah murid dalam pembelajaran Sains.

Melalui kajian ini, saya juga belajar tentang prosedur-prosedur menjalankan penyelidikan tindakan secara praktikal. Ini amat penting untuk seorang guru mengetahui cara mengesan masalah yang berlaku dalam kalangan murid, memikirkan cara untuk menyelesaikannya, merancang tindakan dan akhirnya melaksanakan tindakan. Kajian ini membantu saya meningkatkan kemahiran mengakses sumber, mengumpul, menganalisis dan menginterpretasi data yang dikumpul serta kemahiran menulis laporan. Saya menyedari bahawa peranan guru masa kini bukanlah sekadar untuk mengajar semata-mata, tetapi juga perlu menyelesaikan masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid, mengembangkan ilmu pengetahuan sendiri dan sentiasa memikirkan cara atau kaedah baharu untuk menambah baik amalan pengajaran sendiri serta bersikap proaktif untuk mengkongsikan segala dapatan dan hasil penemuan secara akademik (Chan, 2014).

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Berikut adalah cadangan penambahbaikan yang dikemukakan untuk kajian lanjutan:

- Menggunakan video dalam topik Sains yang lain bagi kelas yang sama untuk mengkaji sama ada penggunaan video dapat membantu meningkatkan minat dan kefahaman murid.
- Menggunakan video untuk murid Sains yang berlainan tahap untuk mengkaji kesannya terhadap minat dan kefahaman murid.
- Menjalankan kajian lanjutan ke atas murid lemah yang lebih ramai demi menguji keesahan data yang dikumpul.

RUJUKAN

- Chan, T.K. (2014). *Keberkesanan kaedah model terhadap amalan, minat dan pencapaian murid tahun empat dalam sains di Kuching*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda yang diterbitkan. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching.
- Lee, S.F.L. (2014). *Keberkesanan penggunaan video terhadap minat dan pencapaian murid tahun lima dalam Sains di Kuching*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda yang diterbitkan). Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching.

- Marhaiza Ibrahim, Ahmad Zubir Ibrahim, Selamah Maamor & Aznita Samsi. (2015). Pengajaran dan pembelajaran (P&P) ke arah melahirkan modal insan kelas pertama. *Journal of holistic student development*, 2(1), 12-22.
- Nor Azlina Dahalan, Normah Mat Nassan, Rahayuni Mohd Noh & Sim, W.S. (2015). *Set induksi*. Diakses daripada <http://webcache.googleusercontent.com>
- Noreliana Md Sharif. (2012). Kesan penggunaan multimedia dalam kalangan pelajar politeknik yang berbeza gaya kognitif. (Tesis Ijazah Sarjana Muda yang diterbitkan). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor.
- Sarina Aini Kasim & Yusmini Md. Yusoff. (2013). *Kaedah mengajar dan kemahiran interpersonal guru*. Selangor: PTS Professional.